

Headline	<b>2,571 tahanan meninggal hidap pelbagai penyakit</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>24. Mar 2009</b>	Page No	<b>21</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>118 cm2</b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Black/White</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	<b>1167.46</b>



## 2,571 tahanan meninggal hidap pelbagai penyakit

**S**ERAMAI 2,571 penghuni yang ditahan di penjara, pusat pemulihan akhlak dan depot pendatang tanpa izin meninggal dunia ketika masih di bawah pengurusan Jabatan Penjara dari 2002 hingga 2007 akibat menghidap pelbagai penyakit.

Kes kematian dalam tahanan polis bagi tempoh sama pula adalah 153 kes.

Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata berdasarkan laporan koroner dan laporan pegawai peru-

batan di dapati punca utama kematian yang direkodkan adalah disebabkan penyakit seperti HIV, Aids, septicaemia, pulmonary tuberculosis, kanser, sakit jantung, masalah darah dan asma.

Menurutnya, punca lain yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kes kematian tahanan adalah kejadian bunuh diri dan pergaduhan sesama tahanan.

"Daripada 2,571 tahanan yang meninggal dunia di institusi penjara, sebanyak 98.7 peratus kematian berkenaan

berlaku di hospital iaitu ketika penghuni terbabit sedang menerima rawatan.

"Sebanyak 0.8 peratus atau 22 kematian pula berlaku ketika mereka dalam perjalanan ke hospital dan 0.5 peratus atau 13 kematian berlaku di institusi penjara," katanya dalam jawapan bertulis terhadap soalan Liew Chin Tong (Bukit Bendera-DAP).

Liew mengemukakan soalan untuk penjelasan mengenai jumlah kematian dalam lokap polis dan penjara sejak

1999 serta sebab kejadian setiap kes.

Ahli Parlimen terbabit minta dijelaskan sama ada setiap kes berkenaan disyariatkan dengan laporan koroner disiapkan.

Menurut Syed Hamid, berdasarkan prosedur ditetapkan, semua kes kematian tahanan juga disusuli dengan laporan polis untuk dijalankan siasatan, dilaksanakan inkues koroner dan dimaklumkan kepada keluarga penghuni yang meninggal dunia.